

HARI : SABTU
TARIKH : 27/6/2020
M/SURAT : 20

Siasat perbezaan ketara harga ayam

Kuala Nerus: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menyiasat perbezaan harga ayam antara pasar raya dan pasar utama.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, siasatan secara menyeluruh mengenai perbezaan harga ayam perlu dilakukan bagi memastikan punca keadaan itu sehingga menimbulkan keresahan masyarakat.

“Mengapa pasar raya boleh jual ayam dengan harga antara RM8 dan RM8.70 sen sekilogram sedangkan harga antara RM8.90

dan RM9.50 di beberapa pasar utama.

“Kita akan siasat macam mana boleh berlaku perbezaan harga sedangkan pemilik pasar raya dan peniaga di pasar utama mendapat bekalan daripada pemborong sama,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke HDA Poultry Sdn Bhd di Kampung Mengabang Telong di sini, semalam.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, kerajaan memberi amaran untuk melaksanakan harga siling ayam sekiranya pembekal serta peniaga terus menaikkan harga bahan mentah itu tanpa sebab munasabah.